

14 JUL 2002

Mahathir-SSB (Bergambar)

PELAKSANAAN SEMAKAN SEMULA SSB KE MESYUARAT KABINET

PUTRAJAYA, 14 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau akan membentangkan pada mesyuarat kabinet tidak lama lagi laporan semakan semula terhadap sistem gaji matriks Sistem Saraan Baru (SSB).

Perdana Menteri berkata semakan semula itu akan dilaksanakan jika mendapat kelulusan kabinet.

"Terserahlah kepada kabinet sama ada untuk meluluskan laporan itu atau tidak," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis penghargaan Le Tour de Langkawi (LTdL) 2002 serta pelancaran LTdL 2003 di sini.

Dr Mahathir berkata beliau telah meneliti jawapan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terhadap cadangan balas yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Gaji dan Jawatan Kakitangan Sektor Awam kepada jabatan itu bulan lepas.

Mengikut sistem gaji matriks SSB yang dilaksanakan sejak 1992, hanya lima peratus anggota kakitangan awam layak menerima pergerakan gaji secara menegak dan melintang setiap tahun dan ini menimbulkan rungutan anggota kakitangan awam.

Cuepacs menuntut sistem gaji matriks dihapuskan kerana mendakwa 95 peratus daripada kakitangan awam kecewa dengan skim itu.

Ia mencadangkan SSB digantikan dengan Sistem Gaji Tunggal yang dianggap lebih telus, sistematik dan memberi tumpuan kepada kecekapan serta produktiviti pekerja.

Awal tahun ini JPA mengemukakan laporan mengenai semakan semula SSB kepada Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan selepas diperkemas oleh jabatan itu dan Cuepacs.

Bagaimanapun Dr Mahathir mengarahkan JPA meneliti beberapa perkara dalam laporan awal itu kerana ia membabitkan anggaran tambahan RM1 bilion.

-- BERNAMA

AKT ZS RON